

Najib tidak pengaruhi keputusan SRC

UTUSAN MALAYSIA 9 JUL 2025 m/d:7

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Pasukan peguam yang mewakili Datuk Seri Najib Tun Razak sekali lagi menyatakan bekas Perdana Menteri itu tidak pernah mengawal keputusan Lembaga Pengarah SRC International Sdn. Bhd. dan tidak mempunyai tanggungjawab fidusiari kepada syarikat pelaburan strategik itu.

Sebaliknya, ujar peguam, Muhammad Farhan Muhammad Shafee, sebarang peranan

yang dijalankan Najib selaku pemegang saham adalah sebahagian tadbir urus yang sah.

“Segala tanggungjawab, kewajipan, amanah dan liabiliti adalah terletak pada Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab terhadap segala urusan niaga dalam syarikat itu.

“Najib tidak mempunyai kawalan eksklusif ke atas operasi SRC International atau pengendalian hasil pinjaman daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)(KWAP).

“Lembaga pengarah yang

melaksanakan semua urusan niaga berkaitan dan bertanggungjawab terhadap pementauan. Jika berlaku sebarang penyelewengan, ia berpunca daripada keputusan lembaga itu sendiri,” katanya pada prosiding kes saman SRC International terhadap Najib dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Nik Faisal Ariff Kamil bagi menuntut ganti rugi AS\$1.18 bilion berkaitan dana yang diseleweng melalui syarikat itu adalah wang pencen daripada KWAP.

Tambahnya, walaupun ara-

han yang dikatakan diberikan oleh Najib, menjadi tanggungjawab Lembaga Pengarah urusan dana dengan sewajarnya.

Pada tahun 2020, Nik Faisal yang diburu bagi membantu siasatan penyelewengan dana SRC berjumlah RM42 juta dikenal pasti berada di Hong Kong.

Pada 7 Mei 2021, SRC memfailkan saman sivil terhadap Najib dan Nik Faisal dengan menuntut ganti rugi AS\$1.18 bilion.

SRC di bawah pengurusan baharu mendakwa Najib telah melakukan pecah amanah dan pen-

yalahgunaan kuasa, mendapat manfaat peribadi daripada dana syarikat dan menyelewengkan dana berkenaan.

SRC turut memohon perisytiharan mahkamah Najib bertanggungjawab ke atas kerugian syarikat akibat pelanggaran tugas dan amanah, dan menuntut agar Najib membayar semula kerugian yang ditanggung syarikat berkenaan.

Hujahan yang didengar Hakim Datuk Ahmad Fairuz Zainol Abidin bersambung 25 Ogos ini.